

KEPENTINGAN PEMANTAPAN AKIDAH ISLAMIYYAH TERHADAP GOLONGAN MUALAF

THE IMPORTANCE OF STABILISING THE ISLAMIC AQIDAH TOWARDS THE MUALLAF OF KOTA KINABALU SABAH

Neng Athirah Malinda binti Joslan¹
Musaiyadah Ahmadun^{2*}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Kampus Shah Alam 40450, Shah Alam, Selangor
(Email: Athirahmalinda910@gmail.com)

^{2*}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu, 88997, Kota Kinabalu, Sabah (Email: musaiyadah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 18-4-2024
Revised date : 13-5-2024
Accepted date : 15-6-2024
Published date : 30-6-2024

To cite this document:

Neng Athirah Malinda & Musaiyadah Amadun (2024). Kepentingan pemantapan akidah islamiyyah terhadap golongan mualaf. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 540 – 548.

Abstrak: Golongan mualaf merupakan salah satu golongan asnaf yang perlu diberi perhatian lebih dalam usaha memperkasakan syariat Islam didalam diri sesebuah masyarakat. Melihat penghijraan masyarakat Sabah yang dahulunya dikenali Islam minoriti tetapi kini kian melonjak secara berperingkat menunjukkan usaha dakwah dijalankan adalah berkesan. Namun, penghijraan agama sahaja tidak cukup, jika tidak disertakan dengan pemantapan dalam mendalami akidah Islamiyyah khususnya kepada golongan mualaf yang kian berjinak dengan hukum hakam Islam. Antara isu yang sering berlaku terhadap golongan mualaf adalah kurangnya penerimaan daripada ahli keluarga sendiri setelah memeluk agama Islam, mengalami kesukaran dalam menerima perubahan corak dan pola hidupnya, serta kurangnya kesedaran akan pentingnya akidah dalam membina kehidupan sebagai seorang muslim yang beriman di sisi Allah SWT. Justeru itu, kajian ini menganalisis tentang kepentingan pemantapan akidah islamiyyah terhadap golongan mualaf yang mana skop kajian tertumpu kepada golongan mualaf dan penerapan akidah terhadap golongan tersebut. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap keberkesanan dan pemahaman golongan mualaf mengenai akidah agama Islam yang dipilih untuk dianutinya. Penelitian dokumen penting seperti merujuk kajian lepas digunakan sebagai pengumpulan data utama. Manakala metod yang digunakan bersifat kualitatif. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat tiga kepentingan pemantapan akidah islamiyyah terhadap golongan mualaf termasuklah untuk menerapkan jati diri yang baharu sebagai seorang muslim yang mengerti akan tujuan hidup dengan berlandaskan ajaran Al Quran dan As Sunnah, keutamaan dalam mengukuhkan keimanan diri dengan lebih mengenal Pencipta sehingga menjadi asbab memiliki akhlak yang baik dan menyediakan bekalan ilmu pengetahuan khususnya akidah islamiyyah sehingga mampu menjadi pelapis dalam menyampaikan dakwah kepada keluarga. Kesannya, golongan mualaf yang memeluk agama Islam akan lebih mengerti akan tanggungjawab yang dipikul dan perlu dipenuhi setelah memilih Islam sebagai agama baharu agar mereka menyedari bahawa Islam adalah agama yang sempurna dan menyempurnakan penganutnya.

Kata Kunci: Pemantapan, Akidah Islamiyyah, Golongan Muallaf

Abstract: *The muallaf is one of the asnaf groups that needs to be given more attention in trying to strengthen Islamic law in a society. Seeing the migration the people of Sabah who used to be known as minority Islam but increasingly soaring in rank now shows that da'wah efforts are effective. However, the migration of religion is not enough if it is not included with the strengthening of the Islamic 'Aqidah, especially for the converts who are increasingly tame to Islamic law. The purpose of this study is to see the level of effectiveness and understanding of the muallaf regarding the Islamic religious beliefs they choose to follow. Structured meetings and important document research are used as primary data collection. While the thematic analysis method has been used to analyse the data. The results of this study show that there are three interests of strengthening the Islamic aqidah towards the muallaf group, including to apply a new identity as a Muslim who understands the purpose of life based on the teachings of the Qur'an and As Sunnah, virtue in strengthening self-belief by knowing more about the Creator so that it becomes reasons who has good morals and provides knowledge, especially the Islamic creed so that it can be a substator in conveying da'wah to the family. The impression is that the muallaf who embrace Islam will better understand the responsibilities they bear and need to be fulfilled after choosing Islam as a new religion so that they realise that Islam is a perfect religion and perfect its adherents.*

Keywords: Muallaf, Aqidah, Islam

Pendahuluan

Mempelajari dan mendalami agama Islam agar menjadi sehati di dalam diri seseorang muslim bukanlah suatu perkara yang sukar namun seseorang itu perlulah konsisten dalam usaha memastikan agama Islam kekal wujud di dalam diri sehingga akhir kehidupannya. Pembinaan Islam yang teguh di dalam diri seseorang perlulah mempunyai tiga elemen penting (Yazidul B., 2023) termasuklah memahami akidah islamiyyah, syariah dan pembentukan akhlak yang berterusan. Namun, perlu difahami bahawa akidah mengatasi kedudukan kesemua elemen (Andi M. A., 2022) kerana tanpa keberhasilan meyakini sesebuah kepercayaan, mustahil untuk seseorang itu melakukan ibadah dan mempraktikkan perkara yang diwajibkan didalam agama selari dengan kehidupannya tanpa sebarang keraguan.

Di Malaysia, pemantapan akidah sangat dititikberatkan kepada orang islam khususnya kepada golongan muallaf. JAKIM telah menyatakan akan statistik jumlah muallaf yang direkodkan daripada tahun 2000 sehingga 2012, golongan muallaf yang bertambah telah mencapai sebanyak 106, 747 orang jumlah muallaf tidak termasuk yang belum berdaftar secara rasmi (Shapik et al., 2018). Berdasarkan maklumat statistik bilangan muallaf terbaharu yang diambil daripada Bahagian Dakwah, JHEAINS (2023), bermula 2021 sehingga 2023 seramai 5 760 muallaf yang datang dengan rela hati ke JHEAINS dengan membuat keputusan untuk memeluk agama Islam dan berdaftar dibawah jabatan agama secara rasmi.

Golongan muallaf perlu ditekankan perkara berkaitan akidah dalam pendidikan serta pembangunan akhlak keperibadian agar tidak tersasar sehingga berniat untuk kembali ke agama asal disebabkan mereka menganggap dirinya tidak mempunyai sebarang perubahan setelah memeluk agama Islam. Perpindahan fahaman daripada agama asal ke Islam bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk golongan muallaf kerana ia melibatkan keperluan dalam merubah tabiat yang sudah menjadi kebiasaan. Antara isu-isu yang sering dihadapi oleh golongan muallaf

setelah memeluk agama Islam adalah di biarkan oleh keluarga asal dan tidak dipertanggungjawabkan oleh mereka yang mengajaknya memeluk agama Islam (Che A., et al., 2019) sehingga mereka merasakan tiada keperluan untuk mempertahankan agama Islam sehingga berkeinginan untuk kembali ke agama asal, mengalami kesukaran dalam menerima perubahan corak dan pola hidupnya, serta kurangnya kesedaran akan pentingnya akidah dalam membina kehidupan sebagai seorang muslim yang beriman di sisi Allah SWT.

Kajian ini menganalisis tentang kepentingan pemantapan akidah islamiyyah terhadap golongan muallaf yang mana skop kajian tertumpu kepada golongan muallaf dan penerapan akidah terhadap golongan tersebut. Oleh itu, untuk mengelakkan perkara sebegini terus berlaku sehingga mampu menghakis darjat kesucian nama agama Islam, pemantapan akidah Islamiyyah dalam diri golongan muallaf perlulah ditekankan agar mampu menyedarkan kepentingannya dalam usaha mempertahankan agama yang telah dipilih sehingga akhir hayatnya.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan melalui data analisis melalui analisis kandungan, dan penggunaan dokumen dengan merujuk bahan-bahan atau sumber ilmiah yang berkaitan dengan objektif kajian. Dokumen yang digunakan termasuklah jurnal, tinjauan artikel terdahulu, dan juga buku berkaitan dengan kepentingan pemantapan akidah Islamiyyah. Data yang dikumpulkan juga dianalisis secara tematik untuk mengkaji akan kepentingannya terhadap golongan muallaf mengikut kesesuaian tema kajian yang dijalankan.

Akidah Islamiyyah

Akidah diambil daripada perkataan arab “a`qada” yang bermaksud sebagai sebuah ikatan atau simpulan, manakala dari segi istilah merujuk kepada keyakinan khusus (Ahmad Y. K., Samsuddin A. H., & Misnan J., 2017) kepada Pencipta iaitu Allah SWT dan segala apa yang dinyatakan Allah SWT walaupun tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar. Menurut Ahmad Yunus Kasim et al., (Asming Y., & Wan A. F. W. I., 2011), akidah sangat penting kerana sebuah pegangan mampu pelihara ketamadunan diri sendiri sehingga ia mampu memberi kesan yang besar dari segi acuan dan tabiat seseorang dalam melakukan ibadah di kehidupan sehariannya. Tingkatan akidah didalam diri seseorang adalah yang utama, jika akidahnya tidak mencapai kepercayaan kepada wujudnya Allah SWT, dan perkara lain yang wajib dipercayainya di dalam Islam maka ibadah atau amalannya juga sukar untuk diterima kerana ketegakan Islam didalam diri seseorang itulah menjadi aras penanda bahawa seseorang itu memiliki akidah dalam kehidupannya (Yazidul B., 2023).

Kepentingan dalam penyampaian akidah islamiyyah terlebih dahulu sudah dibuktikan oleh Rasulullah SAW dengan jalan penceritaan dakwahnya yang mengambil tempoh lebih lama dalam penyebarannya di Mekah selama 13 tahun, dan barulah diteruskan dengan pensyarian selepas berhijrah ke Madinah. Menurut Seri Hayati Husain (2010) dalam penulisanya, akidah mempunyai tiga asas termasuklah mengaku keesaan Allah SWT, menerima kerasulan dan juga mempercayai adanya hari akhirat. apabila tiadanya akidah didalam diri seseorang, maka nafsulah yang bakal menguasai dirinya. Maka pentinglah untuk kita kuasai terlebih dahulu ketiga asas ini seiring dalam usaha untuk menjalankan perintah daripada Allah SWT.

Kehidupan golongan muallaf dalam usaha mendalami akidah islamiyyah perlulah diberikan sokongan yang padu oleh pihak tertentu khususnya orang sekeliling yang terdekat, dan juga pihak yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Agama agar akidahnya tidak mudah luntur. Shafiza S. dan Muhammad S. H., (2020) berpendapat bahawa kurangnya ilmu keagamaan sehingga

menyebabkan diri sendiri jauh daripada PenciptaNya mampu menjerumuskan diri kepada kekufuran. Kajian terdahulu menunjukkan beberapa kepentingan dalam usaha memantapkan akidah islamiyyah khusus kepada golongan muallaf di Sabah.

Mengetahui Tujuan Utama Hidup Di Dunia

Islam adalah agama yang syumul, diciptakan oleh Allah SWT sesuai dengan fitrah serta keperluan manusia iaitu mencari ketenangan didalam hidup sehingga akhir hayat. Bertepatan dengan maksud Islam (Idris, K. A., 2023) yang diambil daripada Bahasa Arab “*salama*” bermaksud sejahtera, sempurna dan baik. Penciptaan manusia adalah sempurna di dalam mukabumi ini dan disetiap daripadanya mempunyai keistimewaan yang berbeza, namun tetap mempunyai tujuan yang sama (Ibrahim Bafadhol, 2017). Allah berfirman di dalam Al Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: *Dan tidaklah Aku (Allah) ciptakan jin dan manusia selain daripada menyembahKu*

(Surah Az Zariyat: 56)

Potongan ayat ini menyatakan bahawa tujuan utama manusia dicipta adalah untuk menghambakan diri kepada Allah SWT dengan menjalankan segala perintah dan berusaha untuk meninggalkan segala laranganNya. Hasanuddin Yusuf Adan (2020) menyatakan didalam penulisannya bahawa penyembahan kepada Allah SWT tidak cukup hanya dengan kata kata tetapi mestilah disertakan juga dengan pensyariatan serta pembuktian akidah iaitu dengan melakukan segala pensyariatan yang telah dinyatakan dalam agama Islam. Allah SWT juga telah berfirman:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ
الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*

(Surah Al Baqarah: 30)

Selain daripada beribadah kepada Allah, tujuan manusia diciptakan juga adalah untuk menjadi khalifah dimuka bumi Allah SWT dengan mengajak sesama manusia untuk sentiasa berada di jalan yang benar. Ayat Al Quran ini merujuk kepada sekalian manusia, termasuklah mereka yang baru sahaja ingin mengenali agama Islam untuk sentiasa berpesan dan tidak melampaui batas kerana pada akhirnya semua manusia akan kembali kepada Allah dan menyatakan segala perbuatan yang telah dilakukan semasa hidup di dunia (Syed S. S. S., et al., 2023). Menurut Islam, kehidupan seseorang muslim sangat panjang dan tidak akan berakhir setelah meninggal dunia. Sebaik sahaja seseorang itu menghembuskan nafas, disitulah kehidupan yang sebenar bermula. Maka dengan itu perlulah kita bersederhana dalam kehidupan dan mempunyai keseimbangan antara urusan dunia dan akhirat (Fadilah F. & Ridwan T., 2020).

Dalam usaha memenuhi kedua-dua tujuan hidup di dunia ini, pemantapan akidah amatlah diutamakan kerana kehambaan dalam diri seseorang tidak dapat diwujudkan jika keimanan terhadap Allah SWT belum dikuasai. Seseorang yang tidak meyakini Allah SWT tidak akan mampu menjalankan perintah dengan baik apatah lagi dalam menyampaikan ajarannya kepada orang lain. Golongan muallaf yang masih terperangkap dengan kepercayaan agama sebelumnya akan menghadapi kesukaran dalam memahami tujuan hidup manusia yang sebenar. Bahkan Yusuf Al Qaradhawi (1983) didalam kitab Hakikat Al-Tawhid menjelaskan didalam kitabnya bahawa akidah mampu mempengaruhi peribadi dan perilaku seseorang termasuklah melahirkan insan yang merdeka daripada penjara fikiran sendiri disebabkan keyakinan terhadap Allah SWT, membentuk keseimbangan dalam kehidupan dengan mengetahui matlamat utama didalam kehidupan di dunia dan akhirat, seterusnya memberi ketenangan kepada seseorang. Kesemua nilai positif ini membuktikan bahawa akidah perlulah diberi pemantapan dalam usaha mengetahui dan memenuhi tujuan hidup sebagai seorang hamba yang beriman di sisi Allah SWT (Ahmad Y. K., Samsuddin A. H., & Misnan J, 2017).

Akidah islamiyyah perlulah dipelajari dan dipupuk didalam diri muallaf agar ketakwaan kepada Allah SWT kian meningkat dan akhirnya mampu menjadi benteng terhadap diri seorang mukmin yang sejati. Membiarkan diri terjerumus dalam kelalaian (Yazidul B., 2023) sehingga hilangnya nilai Islam yang sebenar didalam diri seseorang menyebabkan hati menjadi keras, sehingga susah menerima perintah Allah SWT. Namun, apabila golongan muallaf sudah mampu meletakkan keyakinan yang teguh kepada agama Islam (Yusmini M. Y., 2018) dengan mempercayai Allah SWT sepertimana perakuan syahadah yang dilafazkan, maka semakin mudahlah golongan tersebut memahami tanggungjawab yang perlu dipenuhi sebelum meninggalkan kehidupan di dunia dengan mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT dalam usaha menjadi khalifah yang terbaik di muka bumi Allah SWT.

Memperkuhkan Kepercayaan Kepada Pencipta

Setiap agama mewajibkan pengikutnya untuk mempercayai kewujudan Pencipta dengan kepelbagaian cara penyampaian tetapi tetap memegang matlamat yang sama. Namun, tahap kemampuan golongan muallaf tidak boleh disamakan dengan masyarakat yang beragama Islam sejak dari lahir kerana golongan tersebut sedang bertarung dengan jiwanya dalam usaha menerima kepercayaan baharu yakni agama Islam dan menolak sesuatu perkara yang sudah biasa dipelajari sejak azali. Oleh itu, penerapan akidah Islamiyyah perlu ditekankan kepada golongan tersebut dengan usaha memberi didikan yang berterusan sehinggalah mereka mampu berdiri membuat keputusan sendiri khususnya berkenaan pensyariatan di dalam agama Islam. Juga menjadi suatu tanggungjawab kepada muslim untuk mengambil berat terhadap golongan muallaf (Ahmad Y. A., 2021) walaupun mereka telah menganuti agama Islam lebih dari lima ke sepuluh tahun, kerana keimanan golongan muallaf ini sangat mencabar.

Penerapan dalam bahasa Arab disebut sebagai "*taqrib*" yang membawa maksud kepada mendekati atau mendekatkan diri (Mohd N. D., 1996). Usaha pendekatan sangat wajar dilakukan untuk mengajak golongan muallaf agar kenal dengan ajaran Islam bermula dengan akidah islamiyyah dan disusuli oleh perkara seperti syariah dan akhlak. Tanpa bimbingan yang baik, muallaf mudah untuk kembali hidup terumbang ambing dalam kejahilan sehingga mampu mendorong diri untuk jatuh kepada kekufuran bahkan lebih dasyat kepada perbuatan syirik. Namun apabila golongan muallaf berjaya mengenali Penciptanya, keyakinan terhadap agama Islam akan lebih meningkat sehingga mereka menjadi seseorang yang tidak mudah untuk berputus asa dalam menghadapi sesuatu perkara.

Kufur merupakan sifat lawan bagi keimanan merujuk kepada perbuatan meninggalkan segala perintah yang sudah ditetapkan dan tidak mengakui adanya larangan daripada Allah SWT dan kekufuran ini melibatkan amalan yang berkait dengan ibadah seseorang muslim terhadap Allah SWT. Mat Jalil (2019) menjelaskan didalam penulisan jurnal Falsafah Hakikat Iman Islam dan Kufur, bahawa keimanan adalah suatu keadaan apabila seseorang berikrar menerima Islam menggunakan perkataan, mengakui menggunakan hati dan dibuktikan dengan perbuatan dengan melakukan amalan amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT. Seseorang yang tidak mampu untuk menjalankan ketiga-tiga perkara itu dengan selari dianggap kufur dan berdosa di sisi Islam.

Manakala syirik pula adalah perbuatan menyekutukan Allah dalam apa juga bentuk sama ada perkataan, pegangan, perbuatan dan iktiqad iaitu dengan menjadikan suatu yang lain iaitu makhluk bernyawa atau tidak sekutu bagi Allah (Khairul A. M., 2019). Pembahagian syirik ini ada dua termasuklah merujuk kepada syirik besar iaitu perbuatan menyekutukan Allah SWT secara teran-terangan dengan mempercayai bahawa wujudnya kuasa lain yang sama atau lebih daripada kemampuan Allah SWT dan syirik kecil yang boleh terjadi secara tersembunyi tanpa disedari dengan melakukan suatu ibadah atau amalan keagamaan agar diberi balasan pujian oleh manusia.

Perbuatan kufur dan syirik ini adalah sukar untuk dikenali didalam diri masing-masing kecuali seseorang muslim itu berada dalam keadaan berjaga-jaga diatas amalan yang dilakukan agar sentiasa dalam jalan yang lurus. Agama Islam sangat menitikberatkan soal kepercayaan dan akidah seseorang, kerana semakin beriman seseorang itu maka semakin bernilai di dalam agama Islam, tetapi jika berlaku sebaliknya (Rasidah M. N., & Alinawati A. A., 2021) semakin lemah diantara salah satunya maka semakin kurangnya semangat untuk mengabdikan diri kepada perintah serta larangan Allah SWT. Oleh itu, Allah SWT telah membekalkan Al Quran dan As-Sunnah sebagai rujukan bagi orang Islam untuk kekal berusaha dalam memantapkan akidah sepanjang masa kerana akidah perlu dibentuk. Maka amat penting dalam usaha menjadi mukmin yang “kamil” iaitu sempurna di sisi Allah perlulah untuk sentiasa berusaha memperbaiki akidah agar dapat mengukuhkan kepercayaan kepada Pencipta.

Mengukuhkan Akhlak Islamiyyah

Antara ciri-ciri keteguhan akidah seseorang adalah apabila seorang muslim itu mampu mempraktikkan akhlak yang baik di sisi Islam kerana salah satu sumber pembentukan akhlak seseorang muslim adalah apabila seseorang itu sudah mencapai ketakwaan didalam agamanya dengan mengikuti perintah Allah SWT dan usaha menjauhi segala larangan yang sudah dijelaskan serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai panduan dalam kehidupan. Akidah merupakan sumber akhlak dan budi pekerti seseorang muslim (Zulfatus S., 2020), ia juga sumber bagi setiap perkara yang dilakukan diasaskan dengan kepercayaan bahawa tidak ada kekuatan seorang pun ke atasnya kecuali Allah SWT. Allah SWT berfirman:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

(Surah Al-Ahzab:21)

Allah SWT menjelaskan bahawa penciptaan Rasulullah SAW adalah untuk menjadi contoh yang baik kepada sekalian umat dengan merujuk setiap perbuatan, perkataan atau ikrar yang ditunjukkan daripada baginda adalah akhlak yang bermanfaat dan mendatangkan kebaikan kepada kita. Akhlak merujuk kepada budi pekerti, tabiat atau tingkah laku yang wujud pada diri seseorang disebabkan kebiasaan dimana ia berkaitrapat dengan ketuhanan dan urusan sesama manusia (Yazidul B., 2023). Akhlak yang terbaik untuk seorang mukmin adalah apabila sudah mencapai tahap ihsan didalam melakukan sesuatu perkara, sepertimana sebuah hadis menjelaskan ihsan itu apabila melakukan sesuatu ibadah seakan manusia itu melihat adanya Tuhan dihadapannya tanpa mengharap sebarang balasan kecuali keredaan Allah (Mat Jalil 2019).

Tahap ihsan perlulah didahului dengan pemantapan akidah islamiyyah yakni yang harus dibekalkan kepada golongan mualaf dengan memahami bahawa akhlak yang baik akan wujud berpandukan kepada perintah dan larangan daripada Allah SWT. Bersesuaian tujuan utama akhlak iaitu membentuk peribadi seorang muslim yang beradab dan ikhlas (Al-Abrasyi, 2003), Imam Ghazali menjelaskan antara cara paling berkesan dalam mendidik diri untuk menerapkan akhlak yang baik dalam diri seseorang muslim adalah dengan meninggalkan akhlak yang buruk, kerana perkara yang beriringan tidak mungkin boleh disatukan. Tabiat yang baik, tidak boleh diiringi dengan perkara yang jahat menurut pensyariat Islam kerana mampu menimbulkan kekeliruan (Rahman, M. H., 2019).

Golongan mualaf perlu menguasai akidah Islamiyyah agar mereka sedar tujuan berakhlak mulia bukanlah semata-mata meraih kesenangan manusia tetapi untuk memenuhi tanggungjawab seorang muslim terhadap Allah SWT dan sesama manusia yang diciptakan di dunia. Rasulullah SAW menjelaskan cara terbaik untuk memberi pendidikan berkait dengan akhlak adalah dengan pendidikan karakter (Farhat A., 2019). Salah satu pendidikan karakter dalam mengukuhkan akhlak golongan mualaf yang diajarkan oleh Rasulullah adalah dengan menjelaskan *Qudwatun hasanah* kepada mereka iaitu dengan memberi contoh secara langsung dan tidak terikat dengan teori semata-mata. Setelah itu diikuti dengan istiqamah, melakukan perbuatan dan tabiat berulang kali sehingga menjadi sebuah kebiasaan. Perkara ini adalah salah satu metod yang diajar oleh Imam Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumuddin* Al-Ghazali, I. (2020) dalam usaha mendidik seseorang untuk menerapkan akhlak mahmudah didalam dirinya. Setelah berjaya untuk kedua perkara tersebut, sangatlah dianjurkan kepada umat Islam untuk mengajar saudara yang lain dalam membiasakan akhlak mahmudah didalam diri masing-masing dalam usaha untuk merebut keredaan Allah SWT.

Kesimpulan dan Cadangan

Pendidikan dalam usaha memantapkan akidah terhadap golongan mualaf perlulah difokuskan dengan lebih mendalam serta dijalankan secara berterusan agar mereka mampu menyedari tahap keberkesanan dan pemahaman mengenai akidah agama Islam yang dipilih untuk dianutnya. Kelemahan dalam menguasai akidah Islamiyyah mampu menyebabkan kehidupan golongan mualaf berada dalam kekeliruan dari segi kepercayaan sehingga mampu mengganggu jati diri sebagai orang Islam yang hidup berlandaskan Al Quran dan As Sunnah. Peranan orang sekeliling mereka sangat penting khususnya tenaga pengajar yang bertanggungjawab untuk memberi didikan dan motivasi terhadap golongan tersebut.

Berdasarkan kajian terdahulu, mendalami akidah Islamiyyah mampu mendorong untuk memahami tujuan manusia diciptakan, mengukuhkan lagi kepercayaan kepada Pencipta sekaligus memperkasakan akhlak Islamiyyah seseorang. Justeru dalam usaha yang berterusan

untuk memantapkan akidah golongan mualaf, pelbagai inisiatif tambahan boleh dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam usaha menggalakkan lagi keminatan para golongan mualaf seperti memberi bantuan dari segi kewangan atau mengadakan program keagamaan disetiap kawasan yang berpotensi memerlukan khidmat pendidikan berkaitan akidah Islamiyyah secara berkala. Akhirnya, Apabila kesemua aspek ini mampu dikecapi dengan baik, golongan mualaf yang telah memeluk agama Islam akan lebih mengerti akan tanggungjawab yang dipikul dan perlu dipenuhi setelah memilih Islam sebagai agama baharu agar mereka menyedari bahawa Islam adalah agama yang sempurna dan menyempurnakan penganutnya. Sumbangan kajian yang dilakukan ini mampu memberi kesedaran kepada masyarakat terutama kepada sasaran kajian iaitu golongan mualaf. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai penunjuk aras kepada jabatan agama dan NGO yang terlibat dalam pengurusan mualaf untuk melihat keperluan yang boleh dipenuhi terhadap golongan tersebut. Kajian yang dilakukan pada masa kini hanyalah bersifat analisis. Pada masa akan datang, pengkaji boleh menaiktarafkan kajian dengan menggunakan metodologi yang lain seperti menggunakan kaedah kualitatif atau kuantitatif akan berkaitan dengan pemantapan akidah terhadap golongan mualaf juga, khususnya di kawasan Kuala Lumpur.

Rujukan

- Ahmad Y. K., Samsuddin A. H. & Misnan J. K., (2017). Pengajaran Akidah Dalam Kalangan mualaf Di Institut Dakwah Islamiyah Perkim: Teaching Of Islamic Faith (Akidah) Among New Converted Muslim In Islamic Propagation Institute (Perkim). *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(3), 89-100.
- Ahmad Yusri Alkowi (2021). *Persepsi Mualaf Terhadap Pelayanan Bagian Mualaf Center Di Masjid Raya An-Nur Provinsi Riau* (Doctoral Dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau).
- Al-Abrasyi, Muhammad 'Athiyyah (2003). *Prinsip-Prinsip Dasar Pendidikan Islam*, Bandung: Pustaka Setia.
- Al-Qaradhawi (1983). *Hakikat Al-Tawhid*. Kaherah: Maktabah Al-Wahbah
- Andi Muhammad Asbar (2022). Nilai Aqidah, Ibadah, Syariah Dan Al-Dharuriyat Al-Sittah Sebagai Dasar Normatif Pendidikan Islam. *Al-Gazali Journal of Islamic Education*, 1(01), 87-101.
- Asming Y., & Wan A. F. W. I., (2011). Akidah: Peranan Dan Kepentingannya Dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin*, 33, 1-18.
- Che A., Noreha, Suhid, Asmawati, Mohd Fakhrudin dan Fathiyah (2019). Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: satu tinjauan awal. *Jurnal Al-Anwar*, 8(2), 1-13.
- Fadilah Fadilah & Ridwan Tohopi (2020). Fitrah Dalam Pendidikan Islam Menurut Hasan Langgulung. *Jurnal Ilmiah Al-Jauhari: Jurnal Studi Islam Dan Interdisipliner*, 5(2), 226-265.
- Farhat Abdullah (2019). Metode Pendidikan Karakter Nabi Muhammad Saw di Madrasah. *Tahdzib Al-Akhlaq: Jurnal Pendidikan Islam*, 2(2), 63-83.
- Hasanuddin Yusuf Adan (2020) *Islam Antara Aqidah, Syari'Ah Dan Akhlak: Aqidah Dan Keyakinan*, 37-44.
- Ibrahim Bafadhol (2017). Tujuan Hidup Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 2(03).
- Khairul Azhar Meerangani (2019). Cabaran Dakwah Terhadap Golongan Non Muslim Di Malaysia. *Jurnal Maw'Izah*, 2(1), 14-22.
- Mat Jalil (2019). Falsafah Hakikat Iman Islam Dan Kufur. *Ath-Thariq: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 2(2), 389-405.

- Mohd Noor Deris (1996). Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Di Malaysia: Antara Cabaran Dan Harapan. *Jurnal Syariah*, 4(1), 38-49.
- Rahman, M. H. (2019). Metode Mendidik Akhlak Anak Dalam Perspektif Imam Al-Ghazali. *Equalita: Jurnal Studi Gender Dan Anak*, 1(2), 30-49.
- Rasidah M. N., & Alinawati A. A., (2021). Islam Sebagai Al-Din.
- Sari D. S., Siti A., S., Mutia S., Amelia P. A., & Wismanto W., (2024). Sudut Pandang Islam Tentang Perjalanan Dan Tujuan Hidup Manusia. *Ihsanika: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2(1), 190-201.
- Seri Hayati Husain (2010). Asas-Asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam (Doctoral Dissertation, University Of Malaya).
- Shafiza S., & Muhammad S. H., (2020). Pembentukan Sikap Individu Dan Kesannya Menurut Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam Dan Kontemporari (Joirc)*, 3(8), 7-22.
- Syed S. S. S., Muhammad F. W. A. R., & Mohd S. M. B., (2023) Budaya Hedonisme Dalam Kalangan Remaja Muslim: Tinjauan Terhadap Pendidikan Akhlak Dalam Islam Menurut Kitab Penawar Bagi Hati Karya Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili. *Halaman Hak Cipta*, 151.
- Yazidul B. (2023). Objek Kajian Islam (Akidah, Syariah, Akhlaq). *Salimiya: Jurnal Studi Ilmu Keagamaan Islam*, 4(1), 70-86.
- Yusmini Md Yusoff (2018). Faktor Permohonan Isytihar Murtad Dalam Kalangan Mualaf Di Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 123-146
- Zulfatus S., (2020). Pendidikan Karakter (Akhlak) Menurut Perspektif Islam. *Tarbawiyah: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 4(1), 78-90.